

U B424 DEB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MENGAJAI SEMULA DASAR PEMBERIAN SUBSIDI DAN BANTUAN UNTUK MENGIKIS MASYARAKAT YANG BERFIKIRAN SUBSIDI DAN BERGANTUNG KEPADA KEBAJIKAN.

KATANYA, ADALAH MENJADI CITA-CITA KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERDIKARI DAN TIDAK SENTIASA BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN ATAU INSTITUSI-INSTITUSI TERTENTU.

KETIKA MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA SEBARANG BANTUAN YANG AKAN DIBERIKAN HANYALAH SETAKAT MEMBANTU SESEORANG ITU MEMULAKAN USAHA YANG PRODUKTIF.

DENGAN DEMIKIAN, BENTUK SUBSIDI AKAN DIKAJI SEMULA SUPAYA TIDAK WUJUD TABIAT SUKA BERGANTUNG KEPADA SUBSIDI DI KALANGAN SEGOLONGAN RAKYAT.

BEGITU JUGA DENGAN SIKAP KERAJAAN DI SEKTOR-SEKTOR LAIN YANG MEMBERIKAN BANTUAN BUKAN UNTUK MELEMAHKAN ATAU MENJADIKAN SESEORANG ATAU SEGOLONGAN RAKYAT ITU BERGANTUNG SANGAT KEPADA BANTUAN KERAJAAN, TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI

1244MST 25 08 86

U B425 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PROGRAM KEBAJIKAN MASYARAKAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENENTUKAN SUPAYA BANTUAN YANG DIHULURKAN AKAN MEMBOLEHKAN PARA PENERIMA MENERUSKAN HIDUP DENGAN BERDIKARI, ATAUPUN MENERUSKAN HIDUP DENGAN BANTUAN YANG PALING MINIMUM.

KATANYA, MEREKA YANG SELALU BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN MUNGKIN NAMPAK SEGAR UNTUK SEKETIKA, TETAPI SEMANGAT MEREKA AKAN MENJADI LEMAH DAN TERUS LUPUT DALAM JANGKA PANJANG.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA SEBAB MENGAPA GOLONGAN YANG SELAMA INI MENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TIDAK BOLEH BERUSAHA SENDIRI KERANA +MEREKA YANG BERSEMANGAT TETAP DAPAT MENOLONG DIRI SENDIRI+.

KATANYA, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KEBAJIKAN PERLU MEMAINKAN PERANAN DENGAN MENOLONG MELATIH ORANG-ORANG YANG KURANG BERNASIB BAIK SUPAYA BERJAYA MEMULIHKAN MARUAH MEREKA DAN TIDAK MENJADI BEBAN KEPADA SESIAPA.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENINGATI RAKYAT BAHAWA SEBAGAI ORANG TIMUR MEREKA HARUS TERUS MENGHARGAI SISTEM BERKELUARGA BESAR DENGAN TIDAK MELEPAS TANGAN MEMBANTU KAUM KELUARGA DAN SAHABAT HANDAI YANG KURANG BERNASIB BAIK.

-- LAGI

1306MST 25 08 86

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SESEBUAH KELUARGA TIDAK BOLEH MELEPAS TANGAN DAN BERHARAP KEPADA KERAJAAN ATAU PERTUBUHAN KEBAJIKAN SAHAJA UNTUK MEMBERI PERTOLONGAN.

KATANYA, SEMENTARA KERAJAAN DAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN BOLEH MEMBERI BANTUAN, MEREKA TIDAK BOLEH MEMBERI KASIH SAYANG SEPERTI YANG DIDORONG OLEH KEKELUARGAAN.

+ JUSTERU ITU JANGANLAH KITA LUPA AKAN KEBUDAYAAN TIMUR KITA DAN MELEPASKAN TANGAN DARIPADA KERJA-KERJA MEMELIHARA DAN MERAWAT ANGGOTA-ANGGOTA KELUARGA KITA YANG TIDAK BERNASIB BAIK, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KEBAJIKAN MENGADAKAN KUMPULAN PEKERJA YANG MAHIR DAN PROFESIONAL AGAR KERJA-KERJA KEBAJIKAN AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI.

**BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGUCAPKAN HENIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA PEKERJA-PEKERJA KEBAJIKAN DI SELURUH NEGARA YANG TELAH SUDI MENGORBANKAN MASA, TENAGA DAN KEPAKARAN DEMI KEPENTINGAN GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK. -- BERNAMA
1308MST 25 08 86**